

 <p><b>MDBG</b></p>	<b>BAHAGIAN PELESENAN JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.</b>						
	<b>SYARAT LESEN PAPAN IKLAN</b>						
	<b>Syarat/MDBG/JKAPP – 46 Pind.02</b>	<table border="1"> <tr> <td>No. Telefon</td> <td>05-3632020-3632030</td> </tr> <tr> <td>No. Fax</td> <td>05-3665930</td> </tr> <tr> <td>E-mail</td> <td>pelesenan@mdbg.gov.my</td> </tr> </table>	No. Telefon	05-3632020-3632030	No. Fax	05-3665930	E-mail
No. Telefon	05-3632020-3632030						
No. Fax	05-3665930						
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my						

- 1) Lesen ini sah mengikut tempoh sah lesen seperti di bil lesen dan hendaklah diperbaharui sebelum tamat tempoh lesen.
- 2) Pihak Syarikat hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Batu Gajah) 2013, Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Batu Gajah) (Pindaan) 2016, dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- 3) Sebelum tamat tempoh sesuatu lesen papan tanda iklan, Pihak Syarikat adalah diperlukan (sekiranya perlu) untuk **memohon perlanjutan / pembaharuan lesen** berkenaan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan.
- 4) Pihak Syarikat adalah dikehendaki mengemukakan salinan Polisi Insurans Liabiliti Awam yang baru bagi papan tanda yang dipohon. (Iklan *Billboard* sahaja)
- 5) Memberi keutamaan kepada Bahasa Kebangsaan dalam saiz dan warnanya disuatu kedudukan yang jelas dari mana-mana bahasa lain.
- 6) Pihak Syarikat hendaklah menyelenggara papan tanda iklan dan visual papan iklan apabila didapati usang / lusuh.
- 7) Sebarang penambahan dan perubahan / pertukaran visual yang akan dipaparkan hendaklah mendapat kelulusan dari Majlis Daerah Batu Gajah terlebih dahulu. Perkataan yang di dalam visual hendaklah dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya atau menunjukkan keutamaan dalam penggunaan Bahasa Malaysia serta digalakkan menggunakan tulisan jawi untuk keterangan perniagaan.
- 8) Visual yang mengiklankan **minuman keras, rokok** dan **berbentuk lucah** tidak dibenarkan sama sekali dipamerkan.
- 9) Papan iklan hendaklah dibuat dan dipamerkan mengikut pelan lakar dan lukisan seperti yang telah dikemukakan dan diluluskan sahaja.
- 10) Majlis tidak akan bertanggungjawab diatas apa-apa kemalangan, kecederaan atau apa-apa kerosakan terhadap iklan tersebut.
- 11) Pelesen hendaklah menurunkan lesen iklan 14 hari dari tarikh pembatalan kelulusannya.
- 12) Pelesen hendaklah memaparkan lesen sepanjang masa disuatu tempat yang boleh dilihat.

- 13) Pembaharuan lesen iklan tahunan hanya dilakukan setelah syarikat iklan mengemukakan laporan dan perakuan struktur keselamatan papan iklan oleh jurutera bertauliah dari Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Batu Gajah. (Iklan *Billboard* sahaja)
- 14) Apa-apa kemalangan atau kecederaan melibatkan orang awam adalah tanggungjawab pelesen untuk menyelesaikannya.
- 15) Hendaklah menulis Nombor Fail Lesen seperti MDBG(JKAPP)600-6/X/XX di sebelah kiri bahagian bawah papan iklan tersebut.
- 16) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap setiap hari kesalahan itu berterusan.
- 17) Mematuhi arahan Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah dan juga pegawai Majlis Daerah Batu Gajah dari masa ke semasa.

#### CONTOH VISUAL :

## KEDAI CERMIN MATA

Keterangan Aktiviti Perniagaan  
(Aktiviti Premis hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan  
serta hurufnya lebih besar dari bahasa lain)

کدای چرمین مات  
Tulisan Jawi



No. Pendaftaran  
Perniagaan/Syarikat



No. Rujukan Fail Lesen MDBG:  
MDBG.(JKAPP)

#### ARAHAN :

**Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Batu Gajah) 2013**